



SIARAN MEDIA

MISI PERDAGANGAN KE TURKIYE JANA NILAI DAGANGAN BERNILAI RM1.1 BILLION UNTUK PKS MALAYSIA

Kuala Lumpur, 3 April 2023 – Misi perdagangan ke Turkiye melibatkan 10 Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Malaysia baru-baru ini telah berjaya menjana jumlah nilai dagangan sebanyak RM1.1 bilion, di sebalik kesan pandemik dan cabaran global. Misi ke Istanbul dan Sakarya, yang diadakan pada 26 Februari sehingga 6 Mac 2023 telah diketuai oleh SME Corporation Malaysia, agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dan Dewan Perniagaan dan Industri Islam Antarabangsa Malaysia (MIICCI). Sepanjang misi sembilan hari itu, sebanyak 97 siri perbincangan perniagaan mengenai penyumberluaran produk dan perkhidmatan telah diadakan yang melibatkan 72 syarikat Turki dan 10 syarikat Malaysia dalam sektor makanan & minuman, farmaseutikal, penjagaan kesihatan peribadi, minyak & gas dan sistem solar.

Inisiatif ini membuktikan usaha berterusan Malaysia untuk meningkatkan penyertaan syarikat tempatan dalam rantai bekalan global bernilai tinggi dengan mewujudkan peluang akses pasaran kepada usahawan tempatan untuk meneroka pasaran Turkiye. Minat mendalam yang ditunjukkan oleh syarikat Turkiye semasa misi perdagangan tersebut menjadi pemangkin utama dalam menyokong pengantarabangsaan PKS kedua-dua negara. Delegasi Malaysia juga diberikan pendedahan mengenai peraturan dan undang-undang import Turkiye, keperluan perniagaan serta ciri-ciri pasaran tempatan melalui siri seminar, lawatan tapak, sesi pemandanan perniagaan dan peluang rangkaian. Pihak yang terlibat dari Turkiye adalah Small and Medium Enterprise Development Organisation of Turkiye (KOSGEB), Turkiye Halal Certification Body (GIMDES), Independent Industrialist and Businessmen's Association (MUSIAD), Dewan Perdagangan GEBZE, Dewan Perdagangan KOCAELI dan Dewan Perdagangan SAKARYA.

Kerjasama strategik antara SME Corp. Malaysia, MIICCI dan persatuan/dewan perniagaan dari Turkiye ini melambangkan kepentingan sinergi ekosistem perdagangan dalam meningkatkan daya saing perdagangan Malaysia serta mengukuhkan hubungan dua hala Malaysia – Turkiye, terutamanya dalam sektor ekonomi. Misi ini juga menyaksikan beberapa komitmen Usahasama (JV) dipersetujui melibatkan PS Polypack Sdn. Bhd. dengan Pimtas Plastik, Agym Nutrition Sdn. Bhd. dengan Yeni Elif dan Avecena Glove Sdn. Bhd. dengan Gebze Guzeller, serta Memorandum Persefahaman (MoU) antara Petro Teguh (M) Sdn. Bhd. dan Asas Corporation dari Turkiye.

Rizal bin Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia berkata, “Misi ini adalah sebahagian daripada usaha SME Corp. Malaysia untuk meningkatkan keupayaan pra-eksport PKS serta mewujudkan lebih banyak peluang untuk komuniti perniagaan Malaysia menerokai pasaran global. SME Corp. Malaysia juga menawarkan beberapa inisiatif lain untuk menyokong pengantarabangsaan PKS melalui Program Pengukuhan Eksport PKS yang telah dibuka untuk permohonan mulai 15 Mac 2023. Program ini menggalakkan transformasi PKS ke pasaran global dengan mewujudkan rangka kerja berdasarkan pasaran melalui penyediaan bantuan kewangan dalam bentuk geran padanan untuk pelbagai aktiviti berkaitan eksport. Bagi meningkatkan penjenamaan di peringkat global, SME Corp. Malaysia juga melaksanakan program *National Mark of Malaysian Brand* (NMMB), satu program pensijilan yang melambangkan kualiti, kecemerlangan dan keunggulan produk dan perkhidmatan PKS Malaysia yang setanding dengan standard antarabangsa.”

Malaysia dan Turkiye menandatangani Perjanjian Perdagangan Bebas (MTFTA), yang dimeterai pada 1 Ogos 2015. Sehingga Disember 2022, kadar purata pertumbuhan tahunan perdagangan dua hala antara Malaysia dan Turki adalah 34 peratus, menunjukkan masih banyak ruang untuk sektor perniagaan memanfaatkan MTFTA. Pada tahun 2022, Malaysia merupakan rakan dagang terbesar Turkiye di ASEAN manakala Turkiye merupakan rakan dagang ketiga terbesar Malaysia, destinasi eksport terbesar dan sumber import keenam terbesar dalam kalangan negara Asia Barat dengan jumlah eksport Malaysia ke Turki berjumlah RM17.39 bilion pada 2022.

– TAMAT –

Tentang SME Corp. Malaysia

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang berperanan sebagai pusat pengumpulan dan rujukan setempat bagi maklumat dan khidmat nasihat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), penyelaras program pembangunan PKS, penilaian ekonomi serta pengakreditasian PKS, pembangunan perniagaan dan program sokongan, dan juga fasilitasi akses PKS kepada pasaran dalam dan luar negara.

Bermula pada 2 Mei 1996, SME Corp. Malaysia dahulunya dikenali sebagai Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), bermatlamat membangunkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Malaysia yang berkeupayaan dan berdaya tahan agar mampu berdaya saing di pasaran global. Pada tahun 2007, SMIDEC telah diberi mandat oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri untuk menggubal dasar dan strategi menyeluruh bagi PKS dan memacu program PKS merentasi Kementerian dan Agensi. Sehubungan itu, SMIDEC telah dijenamakan semula secara rasmi sebagai SME Corp. Malaysia pada 2 Oktober 2009.

PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA (SME CORP. MALAYSIA)

Aras 6, Blok B, Platinum Sentral
Jalan Stesen Sentral 2
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur
Tel : 1300-30-6000
Faks : 603-2775 6001
E-mel : info@smecorp.gov.my
Laman sesawang: www.smecorp.gov.my

Pengarah
Bahagian Komunikasi Strategik
(U.P. : Pn. Suraini Mohamad Sulaiman)
Tel : 03-2775 6290
Emel : suraini@smecorp.gov.my